

Anjakan Bola Sepak Tempatan

Oleh Nazri Hussein

Sejarah beberapa tahun terakhir ini, era bola sepak negara tiba-tiba sahaja memasuki episod baharu dengan tawaran lumayan yang diterima oleh pemain bola sepak tempatan dalam kancah liga profesional negara. Para pengkaji, peramal, serta peminat bola sepak fanatik negara mula memerhatikan dari segenap aspek sama ada fenomena ini memberikan impak yang positif terhadap kebangkitan bola sepak negara di peringkat global atau sebaliknya.

Pada hakikatnya, nama-nama besar dalam liga tempatan, seperti Hairuddin Omar, Safiq Rahim, Azmi Muslim, dan Khairul Fahmi Che Mat terus menjadi rebutan pasukan yang bertanding bagi merebut trofi dan piala berprestij pada peringkat tertinggi sukan paling popular di negara ini. Persoalan yang terus membelenggu kita adakah kemunculan bintang besar bergaji lumayan ini mampu membawa negara menjadi kuasa Asia baharu dalam pentas sukan berprestij ini?

Paling mencuri tumpuan ialah kemelut yang berlaku kepada pemain tempatan paling berharga di Malaysia, iaitu Nur Shahrul Idran Talaha (Mat Yo) yang menjadi rebutan antara Persatuan Bola Sepak Kelantan (KFA) dengan Persatuan Bola Sepak Johor (PBJU) yang masing-masing saling bermain tarik tali bagi memastikan penyerang paling bernilai itu mewakili pasukan mereka untuk persaingan liga tahun 2013.

Sekiranya, Nur Shahrul Idran Talaha berjaya menyaring jersi pasukan Johor yang bermain dalam Liga Perdana musim 2013, jumlah gaji dan elaun yang diterima oleh pemain tersebut dikatakan berjumlah antara RM70 000 hingga RM80 000 sebulan. Jumlah ini antara yang tertinggi yang pernah diterima oleh seorang pemain bola sepak negara sepanjang liga separuh profesional diperkenalkan pada era lewat tahun 1980-an sehinggalah liga bola sepak secara profesional diperkenalkan sepenuhnya pada tahun 1993. Beberapa pemain ternama negara yang berjaya dipancing

oleh persatuan dan kelab liga tempatan juga dikatakan menerima gaji yang cukup lumayan dengan peningkatan lebih 10 hingga 20 peratus daripada pendapatan ketika bersama pasukan lama.

Sebagai contoh, (sehingga artikel ini ditulis, pada awal Disember lalu) Johor United yang bermain dalam liga perdana



Safee Sali mengharumkan nama negara dalam arena sukan bola sepak.

berjaya memancing banyak pemain ternama, seperti Safiq Rahim, Azmi Muslim, Aidil Zafuan Acha dan kembarnya, Aidil Zafuan bagi menguatkan jentera pasukan dalam usaha mengembalikan kecemerlangan pasukan dari selatan tanah air itu. Mereka dikatakan dibayar dengan gaji dan elaun yang cukup lumayan serta pelbagai kemudahan lain.

Era kecemerlangan pemain bola sepak negara sebenarnya dimulakan oleh Safee Sali yang berhijrah untuk bermain dengan kelab Pelita Jaya dalam liga Persatuan Bola Sepak Seluruh Indonesia (PBSI) apabila beliau mengikat kontrak selama dua tahun dengan pembayaran gaji hampir

RM118 000 sebulan. Ini diikuti pula dengan lakaran sejarah yang diciptakan oleh Nazmi Faiz yang melangkah jauh mengikat kontrak dengan kelab Beira Mac FC dalam liga utama Divisyen Satu Portugal dengan jumlah pembayaran gaji dianggarkan RM300 000 sebulan.

Nazmi Faiz, anak muda yang baharu mencelah usia 18 tahun dari Kuala Lumpur ini juga mempunyai peluang cerah untuk menandingi kehebatan pemain terkemuka dunia dalam kelab Portugal lain, seperti Porto, Sporting Lisbon, dan Benfica FC. Beberapa orang pemain lain yang pernah menyertai

pasukan negara seperti pasukan Harimau Muda juga pernah dikatakan mendapat tawaran untuk bermain dalam liga Jepun, Thailand dan Indonesia. Perkembangan mutakhir ini menurut sesetengah penganalisis bola sepak tempatan memberikan petunjuk kepada kemajuan bola sepak tanah air yang sekian lama diselubungi warna kegelapan dan kemuraman setelah berakhirnya era "supermodh" yang dianggap legenda bola sepak yang tiada tandingananya.

Namun, sejauh manakah harapan tinggi yang diletakkan di bahu pemain bola sepak tempatan tidak dapat dipastikan apabila kedudukan terbaharu yang dikeluarkan oleh Konfederasi Bola Sepak

Dunia (FIFA) menunjukkan Malaysia jatuh empat tangga lagi dengan kedudukan yang ke-157 pada Ogos 2012.

Dengan kedudukan yang terus merosot, kita mengharapkan ada tangan ajaib yang mampu mengembalikan maruah bola sepak negara yang suatu ketika dahulu berada pada kedudukan ke-75 dunia bersama Iran dan Korea Selatan pada era kecemerlangan dekad 1970-an dan awal 1980-an dahulu. Tonik dan penawar perlu dicari segera andai kita ingin menyaksikan bendera Malaysia berkibar di kejohanan bola sepak Piala Dunia dalam tempoh 20 tahun dari sekarang.

Kerancakan liga Malaysia serta jumlah gaji lumayan yang diterima oleh banyak pemain tempatan bukanlah kayu ukur yang menandakan mutu sukan nombor satu negara ini berjaya di persada antarabangsa. Di manakah salinya sehingga mutu bola sepak negara merudum begitu teruk sehingga kedudukannya setaraf dengan Bangladesh, Nepal, dan Maldives? Apakah kemeriahan liga bola sepak tempatan dalam dua dekad terakhir ini tidak mampu membawa Malaysia melangkah lebih jauh mengekori negara-negara Asia yang telah pun berada dalam kelas tersendiri seperti Korea Selatan, Korea Utara, Jepun, serta Iran yang mengungguli peringkat antarabangsa. Jika pada peringkat Asia Tenggara pun kita masih terkapai-kapai untuk mencipta kejayaan sudah tentulah harapan untuk pasukan negara mencetak nama pada peringkat Asia serta dunia hanya sekadar angan-angan kosong.

Jika diperhatikan dari sudut pembangunan sejarah bola sepak, Jepun hanya memulakan liga bola sepak profesional pada tahun 1992 berbanding dengan Malaysia yang mendahului dengan format 'semipro' pada tahun 1987. Ketika itu, delegasi dari negara "Matahari Terbit" itu berkunjung ke Malaysia semata-mata untuk meninjau dengan lebih dekat pengurusan liga tempatan yang berjaya mencungkil nama-nama besar dalam era bola sepak silih, seperti Zainal Abidin Hassan, Dollah Salleh, dan Lim Teong Kim.

Malang sekali, liga bola sepak tempatan yang baru setahun jagung dikendalikan dengan penuh merah ketika itu terpailt dengan kancah rasuah dan korupsi

besar-besaran sehingga nama bola sepak Malaysia terjejas teruk, manakala puluhan pemain berkaliiber menerima hukuman sama ada dibuang daerah serta digantung seumur hidup. Anak-anak muda yang berbakat dalam bola sepak mula menjauhi sukan tersebut kerana tanggapan negatif yang diberikan oleh para peminat. Sukan teras negara itu menjadi hitam dan berkarat di mata dunia angkara sikap tamak oleh segelintir pemain yang memilih jalan yang salah. Bola sepak negara hilang arah dengan rentetan isu dan kemelut dalaman yang makin menggerhanakan dunia bola sepak.

Dalam beberapa kejohanan peringkat Asia Tenggara, kita dimalukan oleh pasukan yang jauh lebih rendah kedudukannya, seperti Filipina, Maldives, serta Laos sehingga mendorong FAM membuat rombakan besar-besaran terhadap pengurusan bola sepak sepanjang 10 dekad terakhir. Maka, bertukar gantilah pengurus dan jurulatih yang diberikan tanggungjawab mengendalikan pasukan bola sepak tanah air sehinggalah akhirnya Datuk K. Rajagobal mengambil alih dengan beberapa lakaran kejayaan di kejohanan Piala AFF Suzuki manakala Ong Kim Swee pula mencatat nama yang gemilang dengan membawa skuad Harimau Muda merangkul pingat emas di Sukan SEA.

Bola sepak negara sebenarnya masih ada harapan untuk pulih. Safee Sali, Nur Shahrul Idran Talaha dan Nazmi Faiz sudah memberikan petunjuk ke arah itu. Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) serta persatuan bola sepak negeri wajar memainkan peranan lebih efektif mencari bakat muda di seluruh pelosok rantau baik di kampung pedalaman serta sekitar estet yang tersorok bagi memastikan kita mempunyai pemain pelapis yang berbakat besar untuk diserapkan ke dalam kejohanan di peringkat negeri mahupun kebangsaan.

Selain pemain, penonton, liga yang kompetitif, stadium dan padang juga wajar diberikan perhatian yang serius oleh pihak FAM seandainya kita ingin melihat mutu bola sepak negara terus melangkah ke hadapan. Kita hanya mempunyai dua buah stadium yang mendapat pengiktirafan FIFA, iaitu Stadium Nasional Bukit Jalil dan

Stadium Shah Alam yang sekadar diberikan taraf gred C. Jika di Jepun, stadium yang dimiliki oleh kelab Divisyen Tiga Liga J diberikan pengiktirafan dengan gred A oleh badan induk itu sepertimana Stadium Sagan Tosu FC. Persoalannya, mengapakah kita tidak boleh menandingi stadium di negara "Blue Samurahi" yang standard dan piawaianya jauh lebih tinggi sama ada dari segi kualiti padang atau pun ciri keselamatan yang terdapat di sesebuah stadium bola sepak? Sebagai contoh, Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang menjadi gelanggang kejohanan kelab Asia untuk piala AFC didapati tidak layak dijadikan gelanggang untuk kejohanan bertaraf Asia kerana standard keselamatan dan penggunaan lampu limpah yang tidak mencapai tahap antara bangsa, iaitu 3000 lux.

Pengambilan pemain import yang berkaliiber dan benar-benar, berkualiti juga wajar diberikan perhatian yang serius oleh FAM. Satu pelan dan rangka khas perlu diwujudkan bagi memastikan pemain import yang terpilih ini melepasi tapisan oleh satu jawatan kuasa khas sebelum dibenarkan untuk bermain dalam liga Malaysia. Sekadar meneliti latar belakang dan pengalaman mereka yang cemerlang dalam kancah bola sepak dunia belum mencukupi kerana pelbagai faktor perlu diambil kira, seperti tahap kesihatan dan kecerdasan semasa, umur, dan disiplin ketika berada di padang. Menyalahkan pemain import semata-mata juga tidak memadai jika kelab atau pasukan negeri yang diwakili tidak menunjukkan permainan yang konsisten dan bermutu.

Mampukah bendera Malaysia berkibar dalam kejohanan bola sepak dunia dalam tempoh 20 tahun akan datang? Itulah persoalan yang terus berputar di hujung lidah peminat bola sepak tanah air. Kita mungkin boleh melahirkan beberapa orang lagi bakat setaraf Nazmi Faiz yang mampu bermain di dalam liga luar negara, seperti liga Inggeris, Jepun, Portugal, Belgium hatta Sepanyol sekali pun. Namun, mengharapakan kita layak bersama 32 buah negara dalam kancah bola sepak dunia dalam tempoh dekad dari sekarang bolehlah dianggap harapan atau impian yang palsu. [www](#)